

Nama:

SEJARAH TAHUN 5

Tarikh:

UNIT 9 Bendera Kebangsaan Malaysia

Baca dan fahami Nota Pintar di bawah sebelum menjawab soalan.

✓ NOTA PINTAR



Sejarah Bendera Negara Kita



Jalur Gemilang Bendera Kita

Nama	Jalur Gemilang
Tokoh yang memberi nama	Tun Dr. Mahathir bin Mohamad
Nama diberi sempena	Hari Kemerdekaan negara yang ke-40 pada 31 Ogos 1997
Sebab diberi gelaran Jalur Gemilang	- Mempunyai 14 jalur yang bermaksud satu haluan yang sama untuk menuju kegemilangan bangsa dan negara. - Gemilang bermaksud bercahaya dan cemerlang


Kenali Identiti Jalur Gemilang

Warna Kuning	Melambangkan kesetiaan kepada raja dan negara serta melambangkan kedaulatan raja berperlembagaan.
Bintang Pecah 14 dan 14 Jalur	Melambangkan perpaduan 13 buah negeri dan sebuah kerajaan Persekutuan.
Bulan Sabit	Melambangkan agama Islam sebagai agama Persekutuan Malaysia.
Warna Biru	Melambangkan perpaduan rakyat yang berbilang kaum.
Warna Putih	- Melambangkan kesucian dan keikhlasan. - Melambangkan kesungguhan memperlingkatkan ketahanan rakyat yang beradab dan berkeperibadian Malaysia.
Warna Merah	Melambangkan keberanian dan kegigihan rakyat menghadapi cabaran.

Hormat Bendera Harmoni Negara

Bendera digantung di dinding	Bulan dan bintang mestilah diletakkan di bahagian kiri apabila dipandang dari hadapan.
Bendera bentuk gantung	Diletakkan bulan dan bintang menghala ke atas dan jalur membujur di bahagian bawah.
Bendera menjadi latar belakang tempat berucap	Diletakkan lebih tinggi dan di belakang orang yang berucap.
Bendera diarak dalam sebaris	Bendera kebangsaan hendaklah mendahului bendera lain.
Etika menaikkan dan menurunkan bendera kebangsaan	- Berpakaian kemas. - Pastikan bendera tidak meleret ke tanah. - Pastikan bendera berada dalam keadaan baik. - Pastikan tali bendera kuat dan tidak mudah putus. - Bendera hendaklah dinaikkan dan diturunkan secara perlahan-lahan dengan tertib. - Semasa berkabung, bendera hendaklah dinaikkan sepenuhnya dan kemudian diturunkan semula ke separuh tiang. - Apabila bendera sampai ke bawah, bendera hendaklah ditatang atau diletakkan di bahu.
Bendera koyak dan lusuh	Perlu dimusnahkan secara sopan dengan membakar bendera tersebut secara tertutup.

Bendera Kebangsaan Negara Asia Tenggara



LATIHAN

Gunakan nota dan buat bacaan buku teks muka surat 122-123 untuk menjawab soalan di bawah.



What?

Apakah latar belakang bendera kebangsaan Malaysia?

1. Jawatankuasa Khas Persekutuan Tanah Melayu telah menganjurkan _____ mereka bentuk bendera Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948.

pertandingan

perjanjian

2. Tahun 1949, _____ akhir diumumkan dalam akhbar *The Malay Mail*.

pertandingan

keputusan

3. Terdapat _____ orang karyawan menyertai pertandingan mereka bentuk bendera Persekutuan Tanah Melayu.

373

370

4. _____ rekaan bendera dipilih pada peringkat akhir.

Lima

Tiga

5. Rekaan terbaik yang dipilih ialah daripada _____.

Encik Mohamed bin Hamzah

Encik Hamzah bin Mohamed

6. Pada 19 April 1950, rekaan bendera Persekutuan Tanah Melayu diperkenankan oleh _____.

Jawatankuasa Persekutuan Tanah Melayu

Majlis Raja-Raja Melayu

7. Bendera Persekutuan Tanah Melayu pertama kali dikibarkan di _____ Istana Sultan Selangor pada 26 Mei 1950.

pekarangan

dalam

8. Pada 16 September 1963, bendera kebangsaan mengandungi _____ jalur.

11

14